

NO. SOALAN: 160

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 11 JUN 2014

SOALAN :

TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil sejak peristiwa penculikan warga China dan Filipina dari Pulau Singamata pada April 2014 demi menjaga kedaulatan Sabah timur, dan menjelaskan mengapakah langkah-langkah setakat ini tidak mendatangkan hasil menjaga keselamatan tanah air kita.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. ESSCOM dengan kerjasama kesemua agensi keselamatan, penguatkuasaan dan pertahanan yang beroperasi di ESSZONE telah mengambil beberapa langkah untuk mengetatkan keselamatan di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:
 - i) Penambahan dan penggantian aset maritim kepada Pasukan Polis Marin (PPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pertambahan aset-aset ini akan dapat meningkatkan kehadiran dan rondaan aset maritim di kawasan perairan yang menjadi potensi ancaman;
 - ii) Pembahagian sektor rondaan pelbagai agensi di laut bagi menambahkan keberkesanan pengawasan;
 - iii) Respon team/komuniti *policing* mengikut sektor di antara PDRM, ATM dan APMM;
 - iv) Peningkatan atur gerak anggota keselamatan dari wilayah lain ke ESSZONE dan rondaan bersepadu ATM dan PGA di daratan;
 - v) Penambahbaikan/peningkatan pos-pos keselamatan;

- vi) Op Gasak bagi membersihkan penjenayah/PATI. Sejak 24 Nov 2013 sehingga sekarang, seramai 1296 PATI telah ditahan dan seramai 3,323 orang telah diperiksa;
- vii) Pemantauan Udara Bersepadu oleh Pasukan Gerak Udara (PGU) dan ATM;
- viii) Pewujudan 5 balai baru dan 3 balai yang sedia ada di naik taraf;
- ix) Pengukuhan keselamatan pulau-pulau yang ada pusat-pusat peranginan;
- x) *Engagement* dengan semua stakeholders di ESSZONE;
- xi) Peningkatan kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan/perisikan Filipina; dan
- xii) Melaksanakan pendaftaran awal “*Pump Boat*” bagi tujuan pengawalan.

2. Kerajaan juga akan mengambil beberapa langkah baru yang bertujuan untuk memastikan keadaan keselamatan di kawasan tersebut sentiasa berada di tahap yang baik. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- i) Perancangan pewujudan *Sea Basing* di perairan ESSZONE dengan kerjasama PETRONAS

- ii) Penguatkuasaan *Designated Route* atau laluan khusus untuk kapal-kapal/bot yang akan masuk perairan Sabah
- iii) Penubuhan unit-unit sukarelawan iaitu ATM, Polis, JPAM, RELA dan sebagainya.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO.161

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOVINDASAMY [KAPAR]

TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Manivanan a/l Govindasamy [Kapar] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:

- (a) Apakah langkah-langkah terperinci yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan jenayah penderaan kanak-kanak dan setakat mana langkah-langkah tersebut berjaya melindungi kanak-kanak daripada jenayah penderaan; dan
- (b) Adakah terdapat usaha kerjasama di antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan Kementerian Pelajaran dan Pengajian Tinggi supaya terdapat pendekatan secara komprehensif untuk melindungi kanak-kanak di Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan kes penderaan ke atas kanak-kanak yang merupakan aset penting yang bakal mencorakkan masa hadapan negara.

a) Bagi menangani kes penderaan kanak-kanak, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang melibatkan penggubalan dasar dan perundangan, penyediaan perkhidmatan sokongan serta pelaksanaan program advokasi.

Akta Kanak-Kanak 2001

Akta Kanak-Kanak telah digubal pada tahun 2001 bagi memelihara, melindung dan memulihkan mangsa kanak-kanak. Mereka yang melakukan penganiayaan atau mendedahkan kanak-kanak hingga menyebabkan kanak-kanak mengalami kecederaan fizikal, emosi atau seksual boleh disabitkan di bawah Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001. Apabila disabitkan, pesalah

boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Majlis Penyelaras Bagi Perlindungan Kanak-Kanak

Bahagian II Akta Kanak-Kanak 2001 juga memperuntukkan penubuhan Majlis Penyelaras Bagi Perlindungan Kanak-Kanak untuk menasihati menteri tentang aspek perlindungan kanak-kanak. Seterusnya Majlis ini mewujudkan Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak (PPKK) yang dianggotai oleh seorang Pelindung (Pegawai Kebajikan Masyarakat) sebagai pengurus, pegawai perubatan, pegawai kanan polis serta anggota masyarakat yang prihatin terhadap isu sosial yang melibatkan kanak-kanak. Fungsi utama PPPK adalah untuk menyelaras perkhidmatan setempat kepada keluarga dan kanak-kanak jika kanak-kanak memerlukan atau disyaki memerlukan perlindungan. Pada masa ini terdapat 134 buah PPPK di seluruh negara.

Dasar Perlindungan Kanak-Kanak

Kerajaan telah menggubal Dasar Perlindungan Kanak-Kanak pada bulan Julai 2009 untuk memastikan kanak-kanak mendapat perlindungan sewajarnya. Dasar ini turut memastikan komitmen menyeluruh diambil oleh semua pihak, termasuk ibu bapa atau penjaga kanak-kanak dalam melindungi kanak-kanak khususnya daripada sebarang bentuk keganasan mental dan fizikal,

kecederaan, pengabaian, penderaan atau eksploitasi dengan menyediakan persekitaran yang selamat dan mesra kanak-kanak.

Pusat Aktiviti Kanak-Kanak

Selain itu, Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) telah ditubuhkan bagi menyediakan perkhidmatan sokongan dan advokasi kepada keluarga dan kanak-kanak berisiko tinggi dalam aspek penderaan dan pengabaian. Kini terdapat 149 PAKK di seluruh negara yang memberi perkhidmatan kepada 20,000 orang kanak-kanak. PAKK menyediakan program berbentuk seminar, kursus dan bengkel serta intervensi yang berbentuk motivasi, bimbingan kaunseling dan sukan.

Khidmat Kaunseling

KPWKM turut menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada mangsa penderaan kanak-kanak bagi membantu mengukuhkan emosi dan psikologi mangsa penderaan kanak-kanak. Dalam hal ini seramai 183 orang Pegawai Psikologi di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), 2 orang Pegawai Psikologi di Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), 16 orang Pegawai Psikologi di Lembaga Pembangunan Penduduk Keluarga Negara (LPPKN), serta 51 orang orang Panel Kaunselor di bawah penyelarasan LPPKN sentiasa bersedia untuk membantu kanak-kanak dan ahli keluarga apabila berlaku kes-

kes traumatis. Selain itu, Pegawai Psikologi juga membuat lawatan susulan secara berterusan untuk mengembalikan semangat dari aspek emosi, fizikal, mental dan spiritual klien agar mereka dapat menangani tekanan yang dialami, menerima realiti dan akhirnya kembali stabil.

Rumah Kanak-Kanak

Bagi kanak-kanak yang menjadi mangsa dera, JKM turut menyediakan 12 buah Rumah Kanak-Kanak di seluruh negara untuk memberi perlindungan kepada mereka.

Pasukan Pencegahan Penganiayaan dan Pengabaian Kanak-Kanak (SCAN TEAM)

Selain itu, kerajaan memperkenalkan *Scan Team* di 34 buah hospital kerajaan di seluruh negara. Pasukan ini berperanan khusus untuk mengendalikan kes penderaan dan penganiayaan kanak-kanak dan dilaksanakan di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang mempunyai Pakar Pediatrik.

Talian Nur 15999 dan Childline

Pada tahun 2007 pula, KPWKM telah memperkenalkan perkhidmatan Talian Nur 15999. Talian ini membantu untuk memudahkan orang awam dan mangsa penderaan kanak-kanak membuat aduan dan mendapatkan khidmat nasihat.

Seterusnya, pada bulan November 2010, KPWKM telah memperluaskan perkhidmatan Talian Nur 15999 dengan mewujudkan talian khusus bagi aduan kanak-kanak iaitu *Childline* 15999. Talian ini merupakan talian tambahan bagi memberi perkhidmatan kaunseling kepada kanak-kanak dan bertindak sebagai perantara untuk menangani kes penganiayaan kanak-kanak. Sejak dilancarkan pada November 2010 hingga 31 Ogos 2013, talian ini telah mengendalikan sebanyak 12,181 panggilan.

Program Advokasi

Bagi mengukuhkan usaha untuk menangani masalah penderaan kanak-kanak, KPWKM melalui JKM dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan pelbagai program advokasi kepada masyarakat di semua peringkat dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain dan NGO. Kerajaan telah mengenal pasti beberapa punca utama terjadinya kes penderaan kanak-kanak seperti perbalahan antara keluarga, kekurangan kemahiran keibupapaan, tekanan kewangan dan lain-lain lagi. Sehubungan itu, program advokasi telah direka bagi tujuan mengurangkan penderaan kanak-kanak dalam masyarakat. Antara program yang telah dilaksanakan ialah:

- i) Kursus Pra perkahwinan SMARTSTART LPPKN. Sebanyak 559 kursus telah dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan seramai 20,617 pasangan dari tahun 2006 hingga Mac 2014. Program ini dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara, NGO dan badan-badan agama.
- ii) Program Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*). Sebanyak 616 program telah dilaksanakan dari tahun 2008 hingga Mac 2014 dengan melibatkan penyertaan seramai 26,484 orang ibu bapa. Program ini dijalankan dengan kerjasama agensi kerajaan seperti FELDA dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), pihak swasta seperti Maybank dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta NGO seperti Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM).
- iii) Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN. Sebanyak 10,481 kursus telah dilaksanakan pada tahun 2008 hingga Mac 2014 dengan melibatkan penyertaan seramai 1.17 juta orang peserta.

Tuan Yang Dipertua,

(b) KPWKM sentiasa menjalankan bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk melindungi kanak-kanak di Malaysia. Dalam hal ini, LPPKN telah membangunkan program **PEKERTI@Sekolah** berdasarkan Pelan Tindakan Dasar Pendidikan Kesihatan Reprouktif dan Sosial Kebangsaan bagi peringkat sekolah rendah dan menengah. Program ini dilaksanakan sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah yang dipilih oleh Kementerian Pelajaran. Modul yang digunakan antara lain memberi pengetahuan akan bahaya dan risiko salah laku seks. Pelajar yang terlibat adalah murid Tahun 6 iaitu selepas peperiksaan UPSR, dan pelajar Tingkatan 3 iaitu selepas peperiksaan PMR dan pelajar Pendidikan Khas. Hingga Disember 2012, seramai 2,376 orang murid telah mengikuti program rintis ini.

Sebagai kesimpulan, KPWKM amat prihatin akan isu penderaan kanak-kanak. Pelbagai program telah dijalankan oleh kementerian dan agensi-agensi di bawahnya. Walau bagaimanapun usaha berterusan dan kerjasama bersepada daripada semua pihak iaitu agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan setiap anggota masyarakat diperlukan bagi membanteras kes penderaan kanak-kanak di negara ini.